

D164

U 6658 A A B
MAHATHIR - PERTANIAN

IPOH, 6 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA AKAN LEBIH PESAT MELALUI PENINGKATAN HASIL PERTANIAN KHUSUSNYA DALAM BIDANG PERGELUARAN MAKANAN.

SEBAB ITULAH KERAJAAN MAHU PARA PETANI MEMPERTINGKATKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI BAGI MENAMBAH HASIL PERTANIAN, KATANYA SEMASA MERASMIKAN HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN DI MEDAN GOPENG, DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DI SAMPING DAPAT MENINGKATKAN PENDAPATAN PETANI SENDIRI, PENINGKATAN HASIL PERTANIAN TERMASUK KEPERLUAN MAKANAN AKAN DAPAT MENYEDIAKAN KEPERLUAN MAKANAN RAKYAT PADA HARGA YANG MURAH.

BELIAU BERKATA DENGAN CARA INI RAKYAT TIDAK PERLU MEMPERUNTUKKAN SEBAHAGIAN BESAR PENDAPATAN MEREKA UNTUK MEMBELI KEPERLUAN MAKANAN.

PADA KADAR GAJI YANG RENDAH PUN RAKYAT MASIH DAPAT HIDUP DENGAN SELESA DAN NEGARA TIDAK PERLU BERGANTUNG KEPADA NEGARA-NEGARA LAIN UNTUK MENGIMPOT BAHAN-BAHAN MAKANAN, KATANYA. -- LAGI

1215MST 06 08 89

D175

U B663 A A B
MAHATHIR - PERTANIAN 2 IPOH

KATANYA, ACARA HARI PELADANG DIADAKAN SETIAP TAHUN KERANA KERAJAAN MAHU MENGINGATKAN BAHAWA ASAS KEKAYAAN DAN EKONOMI NEGARA ADALAH PADA BIDANG PERTANIAN, TERNAKAN, DAN TANGKAPAN IKAN.

WALAU PUN NEGARA BERCITA-CITA MENJADI NEGARA INDUSTRI +KITA TIDAK HARUS LUPA BAHAWA PERTANIAN MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM KEHIDUPAN RAKYAT, + KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA NEGARA HARUS MENINGKATKAN INDUSTRI PERGELUARAN MAKANAN SUPAYA TIDAK PERLU MENGIMPOT BAHAN MAKANAN PADA HARGA YANG TINGGI.

NEGARA HARUS MENINGKATKAN PERGELUARAN MAKANAN SEKURANG-KURANGNYA SUPAYA DAPAT MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN MAKANAN SENDIRI.

BAGAIMANAPUN, ADALAH LEBIH BAIK JIKA NEGARA DAPAT MENGELUARKAN BAHAN MAKANAN BERLEBIHAN PADA HARGA YANG LEBIH MURAH SUPAYA DAPAT DIEKSPOT BAGI MENAMBAHKAN PENDAPATAN NEGARA.

OLEH SEBAB ITU KERAJAAN MAHU PARA PETANI MENINGGALKAN AMALAN BEKERJA DI LADANG SETAKAT CUKUP MAKAN SEBALIKNYA MENGAMBIL KESEMPATAN DARIPADA KESUBURAN TANAH DI NEGARA INI UNTUK MENGUSAHAKAN PERTANIAN SECARA MODEN SAMA ADA DARIPADA SEGI PENGGUNAAN JENTERA ATAU KEADAH TANAMAN DAN BENIH YANG MENGELUARKAN HASIL YANG TINGGI, KATANYA. -- LAGI

1247MST 06 08 89

U B664 A A B

MAHATHIR - PERTANIAN 3 IPOH

BELIAU BERKATA PENGGUNAAN TEKNOLOGI BUKAN PERKARA ASING DALAM MASYARAKAT MELAYU KERANA SEJAK ZAMAN NENEK MOYONG LAGI, MEREKA SUDAH MENGAMALKAN TEKNOLOGI YANG WUJUD KETIKA ITU.

+NENEK MOYONG KITA DAHULU PADA MULANYA MEMBURU AYAM HUTAN TETAPI BERALIH KEPADA TEKNOLOGI MENTERNAK AYAM. PENDUDUK DI LANGKAWI JUGA MENGGUNAKAN TEKNOLOGI UNTUK MENANGKAP PELANDUK,+ TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA PADA MULANYA MEREKA MEMBURU PELANDUK DI HUTAN TETAPI KEMUDIAN MENGGUNAKAN JALA DAN SEJENIS ALAT DARIPADA KAYU UNTUK MENGELUARKAN BUNYI SEPERTI PELANDUK UNTUK MEMERANGKAP PELANDUK YANG LAIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA APA YANG PENTING SEKARANG IALAH MASYARAKAT PETANI, PENTERNAK DAN NELAYAN SUPAYA MENINGKATKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI YANG ADA PADA KETIKA INI.

PERDANA MENTERI BERKATA DALAM PERBUALANNYA DENGAN RAKAN SEJAWATANNYA DARI THAILAND CHATICHAI CHOONHAVAN KETIKA MELAWAT NEGARA INI, BELIAU DIFAHAMKAN BAHAWA EKONOMI THAILAND MENINGKAT DENGAN PESAT KERANA NEGARA ITU BERJAYA MENGELUARKAN BARANGAN, TERUTAMA MAKANAN PADA HARGA YANG AMAT MURAH.

-- LAG1

1253MST 06 08 89

0226

U B685 AAB

MAHATHIR - PERTANIAN 4 IPOH (ULANGAN DENGAN TAMBAHAN)

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, RAKYAT NEGARA ITU TIDAK PERLU MEMPERUNTUKKAN SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA GAJI ATAU PENDAPATAN MEREKA UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN HIDUP MEREKA, KATANYA.

+ADALAH LEBIH BAIK PENDAPATAN \$100 SEBULAN BOLEH MAKAN LAUK AYAM SETIAP HARI DARIPADA BERPENDAPATAN \$300 SEBULAN TETAPLAH HARGA BARANGAN NAIK TIGA KALI GANDA,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN BERHARAP NEGARA AKAN MUNCUL SEBAGAI SEBUAH NEGARA MAJU DALAM BIDANG PERTANIAN DAN PERINDUSTRIAN SUPAYA RAKYAT MALAYSIA DIHORMATI OLEH SELURUH DUNIA.

HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN ITU YANG BERTEMAKAN +BERSATU MENINGKATKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI PERTANIAN+ DISERTAI OLEH AGENSI-AGENSI KERAJAAN DAN SYARIKAT SWASTA YANG BERKAITAN DENGAN PERTANIAN. I A AKAN DIADAKAN SEHINGGA 20 OGOS INI.

YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI BESAR TAN SRI RAMLI NGAH TALIB DAN ISTERI, MENTERI PERTANIAN DATUK SERI SANUSI JUNID DAN TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI DATUK MEGAT JUNID MEGAT AYOB. -- BERNAMA

1512MST 06 08 09

D165